

16 DEC 1996

Mahathir-India

SAMBUTAN PENUH MESRA DI INDIA MENUNGGU DR MAHATHIR

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 16 Dis (Bernama) -- Isu keanggotaan India di mesyuarat Asia-Eropah dijangka dibangkitkan semasa perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin India semasa lawatannya ke negara itu minggu ini, menurut para penganalisis di India.

India dijangka mengutarakan isu keanggotaannya itu, walaupun ia tidak banyak mengharapkan sokongan memandangkan pendirian Malaysia mengenai isu itu. Bagaimanapun India dijangka menekankan perkara itu kerana Malaysia sebelum ini banyak menyokong permintaan India untuk menjadi rakan dialog Asean.

Sambutan mesra menunggu Dr Mahathir apabila beliau tiba di sini pada 19 Dis bagi lawatan rasmi tiga hari. Beliau akan diiringi oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Dr Mahathir yang juga pemenang Anugerah Jawaharlal Nehru bagi Persefahaman Antarabangsa akan menerima anugerah itu dalam satu majlis gemilang di Rashtrapati Bhawan pada Jumaat ini (20 Dis).

Hubungan dua hala yang semakin meningkat sejak lawatan pertama Dr Mahathir ke India pada Dis 1993, dan juga isu-isu serantau dan antarabangsa dijangka dibincangkan oleh Dr Mahathir dengan Perdana Menteri India Deve Gowda.

Menurut penganalisis itu lagi, isu lain untuk perbincangan ialah mesyuarat Menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang berakhir di sini baru-baru ini dan perisytiharan yang dikeluarkan di akhir mesyuarat itu.

India telah mencapai status rakan dialog penuh dalam Asean dengan sokongan daripada Malaysia dan mahu mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan perkumpulan itu. Peranan India dalam Asean dan peranan masa depannya dalam perkumpulan itu juga dijangka dibincangkan.

Penganalisis Juga berpendapat kemajuan dalam pelaksanaan beberapa memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh bekas Perdana Menteri India P.V. Narasimha Rao semasa lawatannya ke Malaysia tahun lepas juga mungkin diimbis semula.

Daripada tiga perjanjian dan dua MoU yang ditandatangani, perjanjian mengenai kerjasama antara Measat dari Malaysia dan rakannya di India, Doordarshan telahpun luput dan kini terpulang kepada Kabinet India untuk menghidupkannya semula.

Kemajuan MoU berhubung Malaysia membantu India dalam projek lebuhraya juga terhalang dengan keputusan Kementerian Pengangkutan Permukaan India yang menangguhkan projek itu kerana kekurangan wang untuk membeli tanah. Syarikat Malaysia Renong merupakan antara 22 syarikat yang membuat tawaran untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi lebuhraya itu.

Perdagangan dua hala telah meningkat tiga kali ganda daripada AS\$477 juta pada 1993-1994 kepada AS\$1,220 juta pada 1995-96.

Imbangan dagangan memihak kepada Malaysia dengan kelebihan perdagangan sebanyak AS\$471 juta pada 1995-96 berbanding kelebihan AS\$1.2 juta pada 1993-94.

Eksport utama Malaysia ke India termasuk minyak sawit, kayu dan produk kayu, besi buruk, logam bukan besi, getah asli, mesin, peralatan profesional dan optikal.

Import Malaysia, antara lain ialah daging, mesin dan peralatan pengangkutan, kain kapas dan beras dari India.

Import India dari Malaysia berjumlah kurang daripada 2 peratus daripada

jumlah dagangannya sementara eksport India ke Malaysia lebih sedikit daripada satu peratus.

Skop bagi menggalakkan dan meningkatkan perdagangan oleh itu adalah sangat memberangsangkan.

Dr Mahathir telah menggalakkan usahawan Malaysia supaya melabur di negara lain.

Usahawan-usahawan Malaysia mampu membuat pelaburan besar di India dalam bidang infrastruktur seperti telekomunikasi, tenaga dan pembangunan lebuhraya dan pelabuhan-pelabuhan. -- BERNAMA

MP YBY PR